

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **TUAN WONG TACK [BENTONG]**

**SOALAN NO. 508**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menyatakan jumlah kuantiti sisa buangan WLP, NUF dan FGD yang telah dihasilkan oleh Lynas mengikut bulan dan kategori dari September 2018 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Operasi kilang Lynas Malaysia Sdn. Bhd.menghasilkan tiga (3) jenis residu iaitu *Water Leach Purification (WLP)*, *Neutralization Underflow Residue (NUF)* dan *Flue Gas Desulfurization (FGD)*. Daripada ketiga-tiga residu yang dihasilkan, hanya residu WLP dikategorikan sebagai sisa radioaktif dan tertakluk dibawah peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) manakala bahan buangan terjadual iaitu NUF dan FGD adalah di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar.
2. Jumlah kuantiti residu WLP yang dihasilkan oleh Lynas dari bulan September 2018 sehingga 25 Februari 2019 (data terkini) adalah 71,820 tan metrik.
3. Berdasarkan *Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)* yang dikendalikan di bawah Jabatan Alam Sekitar, jumlah buangan terjadual NUF (NUF dan FGD mempunyai sifat yang sama) yang dilaporkan oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. dari bulan September 2018 hingga 27 Februari 2019 adalah sebanyak 96,586 MT (*dry basis*) dengan jumlah keseluruhan buangan terjadual NUF yang distorkan di premis sebanyak 868, 854 MT (*dry basis*).  
Sekian, terima kasih.